

NEWS CLIPPING

Event	LOKAR BUNGKUSAN PERCUMA BAGI PEMBELI DALAM TALIAN DI KEDAI 7-ELEVEN
Publication	BERNAMA
Page/ Section	
Date	19 MAY 2016
Time	

Lokar Bungkusan Percuma Bagi Pembeli Dalam Talian Di Kedai 7-Eleven

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) – BOXiT Holdings Sdn Bhd akan memasang 100 lokar bungkusan bagi pembeli dalam talian di cawangan 7-Eleven terpilih di seluruh negara pada akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) BOXiT Gregor Trawoger berkata lokar bungkusan itu yang percuma dan tersedia 24 jam adalah bertujuan untuk penyimpanan selamat barangan yang dibeli dalam talian.

"Pembeli dalam talian diberikan nombor pin untuk menuntut pembelian mereka di cawangan 7-Eleven terdekat mereka.

"Menerima, mengutip dan memulangkan pembelian mereka kini menjadi lebih mudah bagi pembeli dalam talian dengan perkhidmatan lokar bungkusan percuma ini," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran lokar bungkusan BOXiT dan pengumuman perkongsian dengan laman web membeli belah dalam talian utama, Lazada Malaysia.

Trawoger berkata sejak awal tahun ini, 20 lokar bungkusan telah dipasang di cawangan 7-Eleven di seluruh Lembah Klang dengan BOXiT akan memasang 300 lagi menjelang 2017 dan 500 pada 2018 di seluruh negara.

CEO 7-Eleven Malaysia Gary Brown berkata perkhidmatan itu akan mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai peruncit serbaneka 24 jam utama di negara ini.

"Perkhidmatan lokar bungkusan itu akan memberi kemudahan dan menarik orang ramai untuk membeli belah dalam talian," katanya.

Sementara itu, CEO Lazada Malaysia Hans-Peter Ressel berkata pembeli dalam talian boleh memilih lebih enam juta barangan daripada pelbagai jenis produk yang ditawarkan di laman web tersebut.

"Tumpuan kami sentiasa untuk menyediakan pengalaman membeli belah yang mudah dan senang kepada pelanggan seiring dengan gaya hidup moden dan sibuk rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Jejas Malaysia Setakat Ini
Peningkatan FDI Bukti Pendekatan Kerajaan Adalah Tepat
PRK Kuala Kangsar Guna Acuan PRK Teluk Intan - Ahmad Zahid

[Berita Terkini Lain](#)

PRK: Promosi Kekuatan BN Bukan Berharap Kelemahan Pembangkang Untuk Raih Kemenangan- [politik](#)
Minggu PKS Terengganu 2016 Catat Potensi Jualan RM15.2 Juta- [ekonomi](#)
Rakan-Rakan Anjur Golf Amal Bantu Shaaban Hussin- [sukan](#)
D'sawah Hidang Suasana Kampung Kepada Pengunjung- [rencana](#)
Six Confirmed Killed After Mount Sinabung Erupts- [dunia](#)

[Berita Pilihan Tertinggi](#)

Malaysia Boleh Jadi Hab Rantau ASEAN Bagi Analisis Artifak Arkeologi - Pakar
Rakan-Rakan Anjur Golf Amal Bantu Shaaban Hussin
Debu Letusan Gunung Berapi Sinabung Tidak Jejas Malaysia Setakat Ini

